

Usaha-Usaha Pementapan Disiplin di KSAH

(Oleh: Mohd A'sri bin Abdul Ghani)*

1.0 Pengenalan.

Pemimpin bermaksud 'orang yang berupaya mempengaruhi atau mengajak ahli-ahli organisasi supaya bersetuju dengan rela hati melaksanakan kerja-kerja organisasi dengan cekap dan berkesan'. Dalam konteks pendidikan khususnya dalam organisasi sekolah, pemimpin merujuk kepada pengetua atau guru besar. Beliau bertanggungjawab memimpin sekolah bagi memastikan organisasi yang dipimpinnya itu bergerak selaras dengan misi dan visi yang ditetapkan.

Disiplin pula dapat didefinisikan sebagai '... kesanggupan seseorang individu menghormati dan mematuhi undang-undang sama ada disiplin itu dikenakan di luar atau dengan kerelaan sendiri. Disiplin juga bermakna kesanggupan seseorang itu bekerja atau membuat sesuatu dengan cukup tertib, kesanggupan menghormati hak individu lain, kesanggupan mengamalkan tingkah laku yang baik dan tidak mengganggu kepentingan orang lain, ...(Jawatankuasa Kabinet, 1979). Manakala ciri-ciri keperibadian unggul pula dapat didefinisikan sebagai sifat-sifat dan tingkahlaku seseorang yang terserlah dengan nilai-nilai muni dan jatidiri yang unggul.

Justeru sekolah sebagai institusi pendidikan formal berperanan mendidik murid-murid bukan sahaja dalam dalam memperkembang ilmu pengetahuan dan kebolehan intelektual tetapi juga memastikan murid-murid memiliki tahap moral diri dan kemahiran sosial yang baik dan berkualiti. Kecemerlangan kurikulum hanya dapat dicapai jika murid-murid memiliki kualiti disiplin dan sahsiah diri yang cemerlang. Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 di bawah Peraturan 4 menjelaskan bahawa Guru Besar (Pengetua) adalah orang yang bertanggungjawab ke atas disiplin sekolah. Inilah merupakan satu cabaran yang besar kepada setiap pemimpin sekolah iaitu untuk membentuk disiplin diri pelajar ke arah menjadi pelajar yang cemerlang dengan memiliki keperibadian yang unggul.

2.0 Sekolah Pilihan

Sejarah Kolej Sultan Abdul Hamid (KSAH) bermula apabila sekolah ini dibuka pada 8 Disember 1908. Pada waktu itu, sekolah ini dikenali sebagai The Government English School atau ringkasnya G.E.S. Pengetua pertama ialah Encik Mohamad Iskandar (bapa Yang Amat Berbahagia Tun Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia Keempat). Kini, KSAH dipimpin oleh Tn Hj Morazuki b Hashim sebagai pengetua yang ke-42.

Keluasan KSAH ialah 48 ekar. Sehingga November 2007, bilangan staf akademik adalah seramai 85 orang, manakala bilangan staf sokongan pula adalah seramai 23 orang. KSAH mempunyai 41 kelas merangkumi kelas tingkatan satu sehingga ke tingkatan enam. Jumlah pelajar sekolah ini ialah 1214 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 1050 pelajar lelaki manakala 164 pelajar perempuan (melibatkan pelajar tingkatan enam sahaja). Selaku sekolah premier negeri, kemasukan pelajar ke KSAH adalah dikawal oleh Jabatan Pelajaran Negeri Kedah dengan pencapaian sekurang-kurangnya 4A 1B di peringkat UPSR.

Berlandaskan motto 'Scholar, Sportsman, Gentleman' dan slogan ' Menjunjung Warisan dan Wawasan', dengan berteraskan falsafah yang tersendiri iaitu 'mempercayai bahawa setiap insan berpotensi untuk membangun dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek jika diberi peluang dan mendapat bimbingan yang sewajarnya', KSAH sentiasa bergerak ke arah mencapai misi dan visi yang telah ditetapkan selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

3.0 Fokus Pengurusan Disiplin

Dalam memastikan setiap perancangan dapat dilaksanakan dengan jayanya maka pengurusan yang mantap dan berkesan amat diperlukan. Begitulah juga dalam soal disiplin, ianya

memerlukan suatu bentuk pengurusan disiplin yang terancang, mantap dan mampu diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan dalam usaha memastikan setiap program yang dirancang mencapai matlamatnya. Justeru itu, sebagai pemimpin sekolah, saya meletakkan 5 fokus utama dalam usaha memantapkan pengurusan disiplin di sekolah ini dalam usaha membentuk keperibadian unggul di kalangan pelajar iaitu:

- 3.1 Perancangan Strategik Pengurusan HEM (2006 -2010)
- 3.2 Pemantapan Pengurusan Disiplin dan Pembangunan Staf
- 3.3 Pemantapan Sistem Fail dan Data Murid
- 3.4 Pemantapan Sistem Salahlaku Disiplin Murid (SSDM)
- 3.5 Pemantapan Pelaksanaan Program Disiplin Dan Pembangunan Sahsiyah Murid.

Berasaskan fokus tersebut, setiap perancangan dan pelaksanaan program adalah berpandukan Perancangan Strategik Pengurusan HEM (2006 -2010)

4.0 Pemantapan Disiplin Murid Ke Arah Kecemerlangan Kurikulum.

4.1 Program Pengesanan Ponteng Kelas.

SPI Bil. 6/1995 menghendaki pihak sekolah menangani kes ponteng agar tiada salah laku berkaitan dengan ponteng. Oleh itu, Program Pengesanan Ponteng Kelas telah diperkenalkan dan dilaksanakan mulai tahun 1997. Tujuan program ini dilaksanakan adalah sebagai satu pendekatan dalam menangani masalah ponteng kelas. Implikasi daripada ponteng kelas ini dilihat memberi kesan besar terhadap pembelajaran dan kualiti pencapaian murid. Justeru, sebagai pemimpin sekolah, pendekatan yang komprehensif telah dilakukan dalam melaksanakan program ini.

Program ini dari masa ke masa mengalami proses pemantapan pelaksanaan dan saya sentiasa menekankan peranan semua guru dalam memberi kerjasama dalam menjayakan program ini. Kesan daripada program ini amat positif dengan peratus ponteng kelas menunjukkan penurunan dan berada pada tahap yang rendah. Keupayaan mengawal pergerakan murid keluar kelas tanpa kebenaran ini secara tidak langsung telah membantu kelancaran P & P dan kualiti pencapaian akademik sekolah ini dapat terus kekal cemerlang.

4.2 Borang Pelaporan Akademik (Borang PA)

Salah satu misi KSAH yang ingin dicapai ialah 'memastikan pencapaian kurikulum sentiasa cemerlang'. Oleh itu, pemantauan berterusan terhadap prestasi pencapaian akademik murid sentiasa menjadi agenda utama. Sebagai pemimpin sekolah ini, beberapa pendekatan telah digunapakai dalam memastikan prestasi akademik pelajar sentiasa berada dilandasan yang ditetapkan.

Selain dari program-program kecemerlangan akademik, program lain yang turut dilaksanakan ialah aplikasi penggunaan Borang Pelaporan Akademik. Borang ini berfungsi sebagai laporan oleh guru-guru khususnya guru mata pelajaran dan guru tingkatan. Dalam konteks disiplin, saya turut menjadinya sebagai satu kaedah penyediaan laporan secara terus daripada guru kelas dan guru mata pelajaran berkaitan dengan disiplin murid-muridnya sepanjang mereka mengikuti kelas.

Borang ini akan digunapakai khusus kepada pelajar yang difikirkan mempunyai masalah termasuklah masalah disiplin. Semasa program interaksi bersama waris yang diatur secara berkala bagi semua peringkat tingkatan, Borang PA ini akan menjadi bahan

perbincangan antara guru kelas/ guru pembimbing dengan waris dan murid ke arah memperbaiki kualiti akademik, disiplin dan sahsiah pelajar.

4.3 Perjumpaan Pengetua dengan Pelajar Bermasalah.

Pelajar yang dikenalpasti menunjukkan prestasi akademik yang tidak mencapai tahap yang ditentukan akan dipanggil untuk sesi perjumpaan dengan pihak pengurusan. Sebagai pemimpin sekolah, sesi ini dijadikan ruang untuk memberi motivasi, rangsangan, teguran dan amaran tentang semua perkara termasuklah soal disiplin. Ini kerana, pencapaian akademik berkait rapat dengan masalah disiplin pelajar. Sesi seperti ini dilaksanakan selepas analisis pencapaian peperiksaan diperoleh dan ianya diuruskan oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling. Selain itu, waris juga dipanggil untuk bersama-sama di dalam sesi perjumpaan tersebut bagi membincang dan mengatasi masalah pelajar secara bersama.

Jelasnya, program-program seumpama ini bermatlamat untuk memupuk nilai-nilai murni seperti kerajinan yang menuntut murid untuk berusaha bersungguh-sungguh dalam pelajaran serta nilai keadilan yang memerlukan murid untuk mematuhi peraturan serta hormat-menghormati terhadap diri, ibu bapa, guru dan masyarakat dapat dibentuk. Sesungguhnya, inilah yang saya selaku pemimpin sekolah ini sebagai salah satu usaha membentuk keperibadian yang unggul dalam diri pelajar.

5.0 Pemantapan Disiplin Dalam Pembentukan Jatidiri dan Sahsiah Murid.

5.1 Buku Peraturan Dan Disiplin Pelajar

Sistem pengurusan disiplin yang baik haruslah berpandukan kepada peraturan-peraturan oleh Kementerian Pelajaran melalui pekeliling-pekeliling ikhtisas yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Surat Pekeliling Bil. 9/1975 di bawah Perkara 4, menjelaskan bahawa 'tiap-tiap sekolah hendaklah mempunyai peraturan-peraturan sekolah masing-masing secara bertulis. Peraturan-peraturan itu hendaklah mengandungi maksud-maksud yang jelas dan tiap-tiap pelajar mestilah mengetahuinya. Berpandukan pekeliling tersebut, KSAH telah mengunapakai buku peraturan disiplin sekolah tersendiri dalam melaksanakan penguatkuasaan dan tindakan disiplin ke atas murid.

Rentetan daripada isu-isu disiplin yang timbul sejak 10 tahun kebelakangan ini, sehingga ada kes-kes yang mengheret KPM dan sekolah ke mahkamah telah mendorong KPM untuk mengarahkan semua guru termasuk pemimpin sekolah untuk memangani isu disiplin dengan cara yang betul. Selaku pemimpin sekolah, saya telah mengambil langkah menyemak semula Buku Peraturan dan Disiplin Pelajar dan Buku Peraturan dan Disiplin Asrama. Tujuan semakan ini dilakukan adalah untuk memperkemaskan kandungan yang terdapat dalam buku tersebut terutama sekali yang berkaitan dengan jenis salah laku dan hukuman yang dikenakan.

Bagi Buku Peraturan Disiplin Pelajar, Jawatankuasa Disiplin sekolah telah diberi tanggungjawab untuk menyemak dan mengkaji isi kandungan buku berkenaan manakala bagi Buku Peraturan dan Disiplin Asrama, Jawatankuasa Pengurusan Asrama dipertanggungjawabkan untuk menyemak buku berkenaan. Kedua-dua buku peraturan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2007 dan semua pelajar diwajibkan memiliki dan memahami isi kandungan buku tersebut. Mengikut surat Pekeliling Ikhtisas Bil.9/1975 menjelaskan 'guru-guru besar dan pengetua hendaklah selalu menarik perhatian murid-murid kepada peraturan-peraturan sekolah yang telah digubal itu...'. Buku Peraturan dan Disiplin Pelajar ini dijadikan panduan dalam usaha guru untuk melaksanakan tanggungjawab mendisiplinkan murid bagi melahirkan murid yang berdisiplin dan berkeperibadian unggul.

5.2 Pemantapan Badan Pengawas Sekolah dan Asrama

Selaku pemimpin sekolah, saya memberikan perhatian penting kepada Badan Pengawas Sekolah. Ini kerana peranan badan pengawas sangat penting dalam membantu sekolah dan guru dalam melaksanakan usaha-usaha pengawalan disiplin murid di sekolah ini. Mengikut surat Pekeliling Ikhtisas Bil.9/1975 ‘... Pengawas-pengawas sekolah / ketua-ketua murid (School Prefects) mestilah faham benar-benar akan tugas dan tanggungjawab mereka.....Mereka juga hendaklah memahami bahawa perlantikan mereka itu bertujuan membantu pihak yang berkuasa sekolah dalam memelihara tatatertib’.

Justeru itu, beberapa langkah telah dilakukan bagi memastikan badan pengawas sekolah dan badan pengawas asrama terus mantap iaitu:

1. Memantapkan pengurusan badan pengawas dengan melantik seorang setiausaha dan 11 orang guru yang berkebolehan sebagai ahli jawatankuasa termasuk penyelia-penyelia tingkatan.
2. Pemilihan pengawas dilakukan pada hujung tahun bagi tujuan perlantikan pengawas baru bagi tahun berikutnya. Perlantikan pengawas sekolah dilakukan melalui proses pemerhatian dan temuduga oleh jawatankuasa disiplin dan jawatan kuasa pengawas. Majlis perhimpunan khas diadakan bagi tujuan perlantikan rasmi pengawas KSAH.
3. Perlantikan Ketua Pengawas dan ‘Senoir Girl’ diputuskan oleh Jawatankuasa Pengurusan KSAH berdasarkan cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Badan Pengawas.
4. Pembentukan jawatankuasa pengawas dengan pengagihan tugas secara jelas dengan pemantauan daripada guru.
5. Mengadakan Kursus Kepimpinan Pengawas, 2 kali setahun bagi meningkatkan kualiti kepimpinan dan peranan pengawas.
6. Jamuan akhir tahun pengawas sebagai penghargaan kepada peranan dan sumbangan pengawas kepada KSAH

Pengawas sekolah adalah badan penting yang bertanggungjawab membantu guru dalam memastikan disiplin murid dan suasana sekolah dalam keadaan terkawal. Dengan itu, harapan untuk melihat murid-murid di sekolah ini menjadi murid yang mampu mematuhi peraturan serta memiliki ketinggian peribadi dengan harapan amalan-amalan positif yang terkandung dalam Tunggak Dua Belas akan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan akan tercapai.

5.3 ‘Spot check’

‘Spot check’ merupakan salah satu tindakan pencegahan dan penguatkuasa yang dilakukan ke atas murid-murid dan penghuni asrama bagi memastikan peraturan sekolah dan asrama dipatuhi. Pelaksanaan ‘spot check’ ini dilakukan secara berkala sama ada dirancang ataupun berdasarkan kes yang dilaporkan. Bagi ‘spot check’ terancang ianya lebih berfokus mengikut tingkatan. Dalam tahun 2007 ini, sebanyak 10 kali spot check dilakukan di peringkat sekolah dan 6 kali di peringkat asrama.

Tindakan ini dilihat banyak membantu dalam menangani masalah pelanggaran disiplin di kalangan murid terutama yang berkaitan dengan kekemasan diri dan keperluan pembelajaran. Bagi ‘spot check’ di asrama ianya juga melibatkan barangan keperluan yang dibawa ke asrama. Setiap kesalahan yang dilakukan akan dicatatkan menggunakan Borang Laporan Salahlaku Disiplin Murid direkodkan ke dalam SSDM.

5.4 Pengurusan dan Pemantauan Buku Kedatangan Murid

Kehadiran murid ke sekolah akan memberi kesan positif kepada murid dalam mendapat ilmu dan kemahiran baru dalam setiap proses P&P yang berlaku. Justeru, selaku pemimpin sekolah pemantauan ke atas kehadiran murid ke sekolah ini diberi tumpuan yang penting. Guru kelas diarah memainkan peranan penting dalam memastikan murid-muridnya hadir ke sekolah pada setiap hari. Oleh itu, guru kelas dikehendaki bertindak segera jika mendapati terdapat pelajar yang dikesan melakukan aktiviti ponteng sekolah.

Penolong Kanan HEM atau Guru kelas bertanggungjawab untuk menghubungi waris jika didapati terdapat murid yang menunjukkan 'trend' ketidakhadiran tanpa sebab yang mencurigakan. Surat-surat amaran ketidakhadiran murid ke sekolah dilaksanakan sepenuhnya. Tindakan mengeluarkan surat-surat amaran ketidakhadiran adalah berpandukan kepada tatacara yang terdapat di dalam Buku Panduan Mengatasi Masalah Ponteng Di Sekolah (KP/BS/8548/12(17)).

5.5 Program Kerohanian Pelajar

Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, salah satu aspek yang diberi penekanan dalam membentuk insan yang seimbang dan harmonis ialah melibatkan unsur rohani. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab pemimpin sekolah untuk turut membantu mendidik murid-murid supaya elemen kerohanian dapat diterapkan ke dalam diri mereka bagi merealisasikan aspirasi FPK.

Kes-kes yang berlaku sejak kebelakangan ini seperti jenayah, maksiat, masalah sosial, merempet dan sebagainya semakin banyak melibatkan murid sekolah. Kegiatan negatif seperti ini memberi gambaran bahawa semakin nipis pegangan dan amalan agama dalam diri murid-murid sekolah. Oleh itu, melihat kepada situasi semasa yang semakin membimbangkan ini, sebagai pemimpin KSAH adalah amat penting untuk saya memastikan agar semua pelajar dimantapkan dengan nilai-nilai kerohanian dalam diri mereka supaya mereka mampu menangani pengaruh negatif yang ada di persekitaran. Antara program-program yang dilaksanakan di sekolah ini dalam usaha menerapkan nilai-nilai kerohanian ialah:

1. Program Tamrin Rohani

Program ini dilaksanakan mengikut tingkatan melibatkan pelajar-pelajar Islam. Pengisian program ini antaranya ialah ceramah agama, kuliah maghrib, kuliah subuh, latihan dalam kumpulan (LDK), motivasi, riadah dan permainan dan qiamullail dan solat. Program ini dijalankan selama 2 hari 1 malam di pusat kokurikulum dan surau As-Solihin sekolah ini.

2. Program Santapan Rohani

Program ini dilaksanakan pada pagi hari Isnin. KSAH mengadakan perhimpunan rasmi sekolah pada hari Isnin. Walau bagaimanapun, tidak semua hari Isnin dapat diadakan perhimpunan rasmi. Oleh itu, kesempatan masa yang ada tersebut dimanfaatkan dengan mengisi masa perhimpunan tersebut dengan program Santapan Rohani. Program ini dikendalikan oleh Panitia Pendidikan Islam. Pelajar Islam dikumpulkan di surau dan dijalankan aktiviti seperti bacaan Yasin dan ceramah kerohanian.

3. Program Tadarus dan Khatam Al-Quran

Program ini dilaksanakan pada setiap kali tibanya bulan Ramadhan. Pelajar asrama akan beramai-ramai membaca Al-Quran di surau asrama setiap kali selepas selesai solat sunat Tarawih. Bagi pelajar lain pula, mereka akan bertadarus di surau sekolah

pada waktu rehat. Pada penghujung bulan Ramadhan, majlis Khatam Al-Quran akan diadakan dan murid-murid yang terlibat akan diberi sijil penghargaan.

4. Ceramah Agama

Program-program ceramah sentiasa diatur setiap kali sambutan hari-hari kebesaran Islam seperti Awal Muharram, Maulidur Rasul dan Isra' Miqraj. Penceramah jemputan dipelawa untuk menyampaikan ceramah yang bersesuaian dengan hari berkenaan. Selain itu, ceramah agama juga diatur secara berkala untuk penghuni asrama sebagai pengisian aktiviti asrama.

5. Kuliah Maghrib dan Bacaan Yasin

Program ini lebih bertumpu kepada penghuni asrama. Program ini dijalankan pada setiap malam Jumaat dengan dikendalikan oleh Panitia Pendidikan Islam.

6. Program Kesedaran Diri dan Pendidikan Moral

Program ini dilaksanakan sebanyak 6 kali dan dijalankan serentak dengan program Santapan Rohani. Program ini dilaksanakan di dalam bilik media. Bagi pelajar-pelajar bukan Islam, mereka akan diuruskan oleh guru-guru bukan Islam dalam mengisi program kesedaran diri di kalangan murid-murid tersebut.

Bagi mengelakkan murid-murid dari terjerumus ke dalam kegiatan yang tidak bermoral atau melanggar peraturan-peraturan sekolah maka soal kerohanian amat penting. Setiap penganut agama sentiasa menekankan perkara-perkara baik oleh itu, KSAH sebagai institusi pendidikan formal sentiasa dan secara berterusan melaksanakan program-program penerapan nilai-nilai murni ke dalam diri pelajar di samping peranan P&P bagi mata pelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan Moral serta Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan dalam usaha membentuk pelajar yang berkeperibadian unggul.

5.6 Program Bimbingan dan Kaunseling

Sebagai pemimpin sekolah, Unit Bimbingan & Kaunseling dimanfaatkan sepenuhnya dalam memastikan perancangan dan pelaksanaan program dan aktiviti ke arah membina jati diri dan kerjaya pelajar. Peranan 2 kaunselor sepenuh masa digembleng bagi menjayakan setiap program sama ada program kaunseling mahupun program peringkat sekolah. Antara program yang dilaksanakan bagi menangani masalah disiplin pelajar ialah sesi kaunseling individu, kaunseling kelompok, perjumpaan waris, kursus kepimpinan pelajar, perjumpaan pelajar secara berjadual dan memanfaatkan waktu guru ganti dengan program motivasi dalam kelas.

6.0 Pemantapan Disiplin dalam Menjana Kecemerlangan Kokurikulum.

Aktiviti kokurikulum di sekolah telah diperkemas dan diletakkan sebagai salah satu kriteria penting bagi tujuan melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi. Oleh itu, di bawah Peraturan-Peraturan (Kokurikulum Kebangsaan) 1997 yang diterbitkan sebagai P.U (A) 531/97 dan Seksyen 18, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) telah mewajibkan semua pelajar menyertai kegiatan kokurikulum di sekolah.

Dalam konteks kokurikulum, pemantapan disiplin murid juga diberi penekanan agar murid-murid yang terlibat dalam sebarang kegiatan kokurikulum menampilkan perwatakan yang baik dan terpuji dalam usaha melahirkan pelajar seimbang dari segi intelek, jasmani, rohani dan emosi. Antara program-program yang saya laksanakan di KSAH ini ialah:

6.1.1 Pakaian T-Shirt untuk Pendidikan Jasmani dan Kesihatan.

Pakaian ini telah diperkenalkan sejak 1990-an bertujuan untuk menyeragamkan pemakaian pakaian ketika aktiviti P&P bagi mata pelajaran PJK. Semua pelajar adalah diwajibkan memakai t-shirt ini setiap kali kelas PJK berlangsung.

6.1.2 Pakaian T-Shirt Rumah Sekolah

Pakaian ini juga telah diperkenalkan pada tahun 1990-an dengan tujuan untuk menyeragamkan pakaian bagi tujuan Rumah Sekolah sama ada ketika latihan mahupun Kejohanan Olahraga Tahunan dan sebarang aktiviti yang melibatkan Rumah Sekolah.

6.1.3 Pakaian T-Shirt dan Uniform Kokurikulum

Berdasarkan Pekeliling Ikhtisas Bil.8/2007, menjelaskan pelaksanaan pemakaian pakaian kokurikulum di hari persekolahan dan perhimpunan bulanan kokurikulum, sebagai pemimpin sekolah saya telah mengadakan t-shirt kokurikulum baru bagi tujuan berkenaan. Semua murid diwajibkan memakai t-shirt tersebut ataupun uniform lengkap pada setiap hari Rabu.

6.1.4 Program Rumah Sekolah

Program ini diperkenalkan sejak 2001 sebagai satu usaha memperluaskan konsep rumah sukan yang sedia ada. Jika disebut rumah sukan ianya lebih sinonim dengan Kejohanan Olahraga Tahunan dan Merentas Desa di peringkat sekolah namun konsep Rumah Sekolah yang dilaksanakan di sekolah ini bertujuan melahirkan semangat cintakan Rumah Sekolah secara berterusan. Semua pelajar berperanan penting untuk menyumbang kepada kejayaan rumah masing-masing kerana aspek yang dinilai meliputi bidang akademik, olahraga, kokurikulum, dan disiplin.

Kejayaan pelajar dalam bidang akademik, olahraga dan kokurikulum akan memberi mata kepada rumah masing-masing sebaliknya jika pelajar melanggar peraturan dan disiplin maka mata rumah akan ditolak. Ini secara tidak langsung mendorong murid untuk mengelakkan diri daripada melakukan sebarang kesalahan kerana ianya akan menjejaskan markah rumah sekolah yang diwakilinya. Pada setiap hujung tahun, Rumah Sekolah yang mengumpul mata tertinggi mengikut bidang akan menerima anugerah wang tunai RM200.00 pada malam kokurikulum.

6.1.5 Buku Penilaian Prestasi Kokurikulum

Buku yang diperkenalkan mulai tahun 1999 dan kemudiannya pada hujung 2006, buku ini diubahsuai digunakan sebagai dokumen untuk menilai prestasi pelajar dalam kokurikulum. Selaras dengan kehendak semasa yang memerlukan pelajar aktif dalam kokurikulum bagi tujuan kemasukan ke institusi pengajian tinggi maka sebagai pemimpin sekolah, saya melaksanakan penggunaan buku ini secara menyeluruh dan terancang. Dengan adanya buku ini, rekod penglibatan pelajar akan dicatatkan dan ini akan mendorong pelajar untuk aktif dan menunjukkan sifat-sifat kepimpinan agar memperoleh nilai yang tertinggi.

6.1.6 Kem Kokurikulum

Kem kokurikulum telah menjadi salah satu program tahunan di peringkat sekolah ini. Kem ini amat penting kerana bakat dan kepimpinan pelajar lebih terserlah dan dapat dicungkil. Modul program 3 hari 2 malam ini menekankan nilai-nilai yang ingin dipupuk dalam diri pelajar seperti kepimpinan, kerjasama, kesabaran, kerja berpasukan, hormat-menghormati serta berdisiplin.

6.1.7 Pengawas Sukan

Pengawas sukan yang diwujudkan mulai tahun 2006 berperanan untuk membantu guru atau warden asrama dalam konteks kokurikulum. Mereka dilatih untuk mengurus dan mengendalikan bahan dan peralatan yang berkaitan. Contohnya dalam latihan rumah sekolah, mereka akan mengurus menyediakan dan menyimpan alatan yang digunakan. Ini dapat melatih pelajar bertanggungjawab dan membina kepimpinan dalam diri mereka.

6.1.8 Malam Kokurikulum

Malam kokurikulum yang dianjurkan ini sebagai satu usaha untuk menyatakan penghargaan dan terima kasih KSAH kepada semua pelajar yang telah memberi sumbangan besar dalam semua kejayaan sekolah dalam bidang kokurikulum. Penghargaan ini amat penting kerana ianya akan membantu meningkatkan disiplin dan motivasi diri kepada semua pelajar untuk terus lebih berjaya kerana untuk mencapai sesuatu kejayaan setiap pelajar mesti memiliki disiplin diri yang tinggi. Kesan jangka panjang ialah ianya dapat meningkatkan semangat cintakan KSAH secara berterusan.

Saya melihat mendisiplin pelajar tidak hanya berlaku secara langsung tetapi juga secara tidak langsung. Setiap dasar atau program yang dilaksanakan di KSAH ini pada hakikatnya adalah untuk melahirkan pelajar-pelajar berdisiplin dengan mengamalkan nilai-nilai murni dan akhirnya menjelmakan keperibadian yang unggul

7.0 Sekolah dan Masyarakat dalam Menangani Disiplin Pelajar

Sekolah dan masyarakat merupakan dua elemen penting yang saling berhubungan antara satu sama lain.

7.1.1 Peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)

KSAH dan PIBG mempunyai hubungan yang sangat baik. Setiap perancangan dan program yang dilaksanakan oleh pihak sekolah sentiasa mendapat sokongan kuat dari mereka. Dalam hal ehwal murid, PIBG sentiasa peka dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan disiplin, dan kebajikan pelajar. Antara perkara yang dilakukan oleh PIBG dalam membantu memantapkan disiplin pelajar ialah:

1. Menjadikan isu-isu pelajar sebagai salah satu agenda perbincangan dalam mesyuarat ahli jawatankuasa.
2. Menyediakan sejumlah peruntukkan wang sebagai membantu sekolah dalam melaksanakan program pemantapan disiplin pelajar seperti Kursus Kepimpinan Pelajar, Kem Kokurikulum dan Hari Anugerah Cemerlang.
3. Mengenalpasti ahli yang berkebolehan dalam bidang-bidang tertentu untuk membantu sekolah. Contohnya ceramah motivasi yang dianjurkan, penceramahnyanya merupakan waris kepada pelajar sekolah ini.

7.1.2 Pasukan Bertindak Menangani Ponteng Pelajar

Pasukan ini ditubuhkan di peringkat daerah Kota Setar sebagai satu usaha ke arah menangani kes-kes ponteng pelajar. Pasukan yang terdiri wakil-wakil dari Pejabat Pelajaran Daerah, Polis, Agensi Dadah Kebangsaan, Rela, ahli jawatankuasa PIBG dan pihak sekolah. Operasi pencegahan ponteng dilakukan secara bersama di tempat-tempat yang dikenalpasti pelajar sekolah yang ponteng berkumpul.

7.1.3 Polis dan Sekolah

Dalam menangani permasalahan disiplin di kalangan pelajar, KPM telah mewujudkan rangkaian hubungan dengan pihak polis. Salah satu daripada usaha yang dilakukan ialah dengan mewujudkan pengawai perhubungan polis di sekolah-sekolah. Bagi KSAH, hubungan baik antara sekolah dengan pegawai perhubungan polis ini telah sedia wujud. Isu-isu pelajar yang memerlukan peranan pihak polis akan dibincangkan secara bersama.

Salah satu program yang dianjurkan oleh KSAH bersama dengan pihak polis ialah 'Sehari Bersama Polis', di mana pengisian program ini meliputi ceramah, pameran dan demonstrasi anjing pengesan.

Sebagai pemimpin sekolah, kedudukan KSAH di pusat bandaraya Alor Star telah memberi banyak peluang kepada saya untuk memanfaatkan peluang yang ada untuk kepentingan pelajar sekolah ini. Dengan adanya hubungan baik ini di antara kedua-dua pihak, ianya banyak membantu sekolah ini dalam usaha-usaha memantapkan disiplin pelajar dan seterusnya hasrat untuk membina keperibadian unggul di kalangan pelajar akan tercapai.

8.0 Rumusan

Kolej Sultan Abdul Hamid yang merupakan sekolah premier negeri sentiasa memastikan kualiti kecemerlangan dalam semua bidang termasuk pembangunan diri pelajar. Sebagai pemimpin sekolah ini, adalah menjadi tanggungjawab dan amanah untuk memimpin, mengurus, mendidik dan membimbing para pelajar agar mereka menjadi manusia yang berguna pada masa hadapan.

Tugas menangani disiplin murid adalah sangat mencabar. Justeru, sebagai pemimpin sekolah, saya sentiasa menyedari bahawa pentingnya unsur kebijaksanaan dalam menangani masalah disiplin dengan berlandaskan undang-undang dan pekilig-pekeling yang sedia ada. Kerjasama dan komitmen semua guru serta hubungan baik dengan 'stakeholder', ibu bapa dan masyarakat amat diperlukan dalam menjayakan setiap usaha bagi memastikan iklim dan persekitaran sekolah yang kondusif dapat diwujudkan bagi merangsang perkembangan murid dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Sebagai pemimpin sekolah, matlamat untuk memupuk semangat menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran dan kompetensi, menerapkan nilai, moral dan sikap positif serta membina disiplin diri sepertimana yang terkandung di dalam Teras ke-2 di dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010) iaitu 'Membangunkan Modal Insan' akan menjadi fokus penting dalam merancang dan melaksanakan setiap program di sekolah ini dalam usaha melahirkan pelajar yang memiliki keperibadian unggul pada masa hadapan.

* Catatan:

Penulisan ini merupakan esei penulis untuk kursus PTK DG44.